
كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM



BELANJAWAN KITANI

BRUNEI DARUSSALAM 2026-2027



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERDANA MENTERI, MENTERI PERTAHANAN DAN MENTERI KEWANGAN

PETIKAN TITAH KDYMM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BAGI TAHUN 1447H / 2026M

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, dengan limpah rahmat Allah jua, dapatlah kita berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2026 Masehi.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bukan setakat pertemuan tahunan, tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat, berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh. Pendekatan sesi dialog dan permuzakarahan bersama Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, perlu dimanfaatkan sebaiknya. Pada pendapat Beta, pendekatan sedemikian telahpun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan masyarakat, dalam memeduli keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

Negara perlu sentiasa peka dengan pergolakan geo politik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global. Negara kita juga tidak terlepas dari menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber pendapatan negara. Di sinilah ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul.

Beta mahu melihat tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan Negara, khasnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035, termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan ekonomi Negara dan usaha mengukuhkan fiskal Kerajaan.

Apa yang pasti, keperluan untuk membangunkan perkara-perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ianya satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan Negara. Pendekatan-pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan eko-sistem kondusif ke arah pemerkasaan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Dari sudut infrastruktur dan kemudahan awam pula, usaha perlu diteruskan dengan meneroka penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat. Beta amat bersimpati dengan musibah yang berlaku baru-baru ini yang mengorbankan dua penunggang basikal. Maka dalam hal ini, Beta menyeru pihak-pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan sahaja melihat dari segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat prasarana yang selamat untuk digunakan.

Dari sudut lain pula, Kerajaan Beta akan terus memperkukuh budaya kerja yang bersih, beretika, berintegriti dan tadbir urus yang cemerlang merentasi semua sektor. Ini termasuk usaha membanteras secara agresif gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada sektor-sektor Kerajaan dan swasta, khususnya yang melibatkan aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan. Kerajaan Beta tidak akan bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan Negara.

Akhirnya harapan Beta, supaya Majlis Mesyuarat Negara akan membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan sebagai sifatnya pencetus idea-idea bernas, pragmatik dan inovatif selaras dengan keperluan semasa Negara. Beta ingin ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan Negara. Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk membina sebuah Negara yang progresif dan berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KATA ALU-ALUAN



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah
Menteri Kewangan II

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Kementerian Kewangan telah menerbitkan dokumen 'Belanjawan Kitani' bagi membolehkan rakyat serta orang ramai memahami dengan lebih jelas bagaimana belanjawan Negara dirancang, diagih dan dibelanjakan ke arah pembangunan Negara dan kesejahteraan rakyat. Melalui penerbitan ini, masyarakat diharap dapat menilai, memahami serta berkongsi pandangan dan cadangan mengenai keutamaan Negara. Usaha ini juga bertujuan memupuk budaya literasi kewangan serta meningkatkan kefahaman terhadap dasar fiskal dan kesannya dalam kehidupan seharian.

Inisiatif penerbitan 'Belanjawan Kitani' ini merupakan satu langkah penting ke arah memperkukuh budaya keterbukaan, ketelusan, akauntabiliti dan tanggungjawab dalam penyampaian objektif belanjawan Negara. Ketelusan fiskal bukan sekadar penyampaian angka, tetapi satu usaha memperkasa rakyat dengan maklumat, memperkukuh keyakinan awam, serta memastikan setiap perbelanjaan Negara memberi impak yang nyata. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam membina ekonomi yang berdaya tahan, masyarakat berkemahiran tinggi serta kualiti kehidupan yang mampan.

Dokumen 'Belanjawan Kitani' ini merupakan hasil kerjasama menyeluruh semua Kementerian melalui pendekatan *Whole of Government*. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dengan penuh komitmen dan dedikasi dalam memastikan penyediaannya jelas, relevan serta memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat. Semoga dokumen ini menjadi rujukan yang bermakna kepada rakyat dalam memahami peranan belanjawan Negara serta bersama-sama menyumbang ke arah kemajuan dan kesejahteraan Negara.

Sekian,

وَبِٱللَّهِ ٱلتَّوْفِيقُ وَٱلْهِدَايَةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ISI KANDUNGAN

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun 1447H / 2026M ii

Kata Alu-Aluan daripada YB Menteri Kewangan II iii

Anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027 1

Peruntukan Tahun Kewangan 2026/2027 2

Belanjawan Mengikut Klasifikasi Fungsi Kerajaan 3

Classification of The Function of The Government 4

General Public Services 4

Defense 4

Public Order And Safety 5

Economic Affairs 5

Environmental Protection 6

Housing And Community Amenities 6

Health 7

Recreation, Culture And Religion 7

Education 8


Social Protection 8

Fiscal Consolidation Programme (FCP) 9

Kitaran Belanjawan 11

Glosari 13

Pandangan dan Cadangan 15





Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan

ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN KEWANGAN 2026/2027

Peruntukan Disediakan bagi Tahun Kewangan 2026/2027

BND6,300,000,000

Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027

"Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035"
(*Together Achieving Wawasan Brunei 2035*)

Fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2026/2027



Fokus I

Memperkukuh Kestabilan Fiskal dan Tadbir Urus Kewangan

Pendekatan perbelanjaan Kerajaan yang lebih berhemah dan kos-efisien, dengan mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif, dan memastikan setiap peruntukan benar-benar membawa hasil yang jelas kepada rakyat dan Negara. Ini termasuk semakan semula perbelanjaan asas, penelitian semula subsidi agar ianya diberikan kepada golongan yang lebih memerlukan sahaja, dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.



Fokus II

Memperkasa Ekonomi Melalui Transformasi dan Inovasi

Memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh asas ekonomi Negara melalui pemodenan, kepelbagaian dan inovasi serta menetapkan agenda kepelbagaian ekonomi sebagai keutamaan Negara serta meneroka peluang baharu dalam ekonomi digital dan teknologi hijau di samping menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti dengan pendekatan yang lebih strategik, termasuk melalui pembangunan infrastruktur sokongan.



Fokus III

Menjamin Kelestarian Sosial dan Pembangunan Masa Hadapan

Memberi penekanan kepada pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang dan menyeluruh, dengan matlamat untuk membina masyarakat yang berdaya tahan, sejahtera dan inklusif dengan memastikan bahawa perbelanjaan turut mengambil kira aspek perlindungan sosial, kesediaan terhadap perubahan demografi, dan keperluan kepada infrastruktur asas yang mampan dan keadilan antara generasi.



Billionth Barrel Monument, Daerah Belait

BELANJAWAN MENGIKUT KLASIFIKASI FUNGSI KERAJAAN

Belanjawan Negara boleh diklasifikasikan kepada **10 *"Classification of the Functions of Government"*** yang juga dikenali sebagai COFOG iaitu sistem antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) yang digunakan untuk mengklasifikasikan perbelanjaan Kerajaan mengikut fungsi atau tujuan perbelanjaan tersebut.

1. *GENERAL PUBLIC SERVICES* | PERKHIDMATAN AWAM AM

Menjalankan dan menguruskan pentadbiran Kerajaan

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND1,402.9 juta (termasuk RKN BND15.9 juta) antaralainnya untuk:

- Menyediakan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih progresif, responsif dan bersepadu serta mengukuhkan tadbir urus Kerajaan
- Memastikan pelaksanaan perancangan tenaga manusia yang efektif, meningkatkan kemahiran rakyat, membantu mendapat pekerjaan, dan mengurangkan kadar pengangguran termasuk pengurusan sumber manusia melalui Sistem Sumber Manusia (SSM)
- *TAFIS* 2.0 - Sistem perakaunan dan pembayaran yang baharu menggunakan platform SAP
- Bayaran sumbangan dan yuran keahlian Negara Brunei Darussalam ke pertubuhan-pertubuhan antarabangsa termasuk ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Komanwel dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)









2. *DEFENCE* | PERTAHANAN

Menjaga keselamatan Negara dan mempertahankan Negara daripada ancaman luar

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND944.7 juta (termasuk RKN BND134.0 juta) antaralainnya untuk:

- Menjaga keselamatan perairan, sempadan dan ruang udara Negara demi kesejahteraan rakyat
- Menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau melalui kerjasama pertahanan antarabangsa
- Menyediakan pasukan bantuan kecemasan yang sentiasa bersedia membantu mangsa bencana alam di seluruh Negara
- Membentuk generasi belia yang berdisiplin, berdaya tahan dan berjiwa patriotik









3. *PUBLIC ORDER AND SAFETY* | KETENTERAMAN DAN KESELAMATAN AWAM

Memastikan keselamatan masyarakat serta mengekalkan undang-undang dan ketenteraman dalam Negara

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND312.2 juta (termasuk RKN BND7.8 juta) antaralainnya untuk:

- Menjamin keselamatan dan kestabilan Negara dalam membanteras jenayah dan rasuah demi kesejahteraan masyarakat
- Penyelenggaraan sistem teknologi maklumat iaitu Immigration and National Registration System (INRS) di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, dan Jabatan Buruh
- Pelaksanaan program-program kesedaran awam berkaitan dengan bencana dan keselamatan untuk memastikan masyarakat lebih bersedia, memahami risiko dan mengetahui tindakan yang perlu diambil ketika kecemasan
- Menaiktaraf Penjara Maraburong dengan membina Blok Baru Penjara Maraburong Fasa 4 dan Penjara Maraburong Fasa 5






5. *ECONOMIC AFFAIRS* | PERKHIDMATAN EKONOMI

Membangunkan ekonomi Negara serta menyokong sektor-sektor dan industri-industri utama

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND785.4 juta (termasuk RKN BND174.1 juta) antaralainnya untuk:

- Penyediaan benih padi hibrid berkualiti untuk meningkatkan hasil dan sekuriti makanan
- Promosi antarabangsa bagi menarik pelancong dan merangsang industri pelancongan dan memodenkan infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, termasuk meningkatkan sistem navigasi, keselamatan dan kemudahan lain
- Pembangunan dan naik taraf fasiliti akuakultur bagi meningkatkan kualiti serta pengeluaran untuk pasaran tempatan dan eksport








5. *ENVIRONMENTAL PROTECTION* | PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Menjaga dan melindungi alam sekitar serta memastikan kelestarian sumber semula jadi

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND67.8 juta (termasuk RKN BND21.9 juta) antaralainnya untuk:

- Pengurusan pembuangan sisa pepejal dan pelupusan sisa buangan di seluruh Negara dilaksanakan dan dikawal selia dengan lebih teratur dan berkesan
- Melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan kawasan landskap, taman serta kemudahan rekreasi bagi mewujudkan persekitaran yang bersih, indah dan selamat serta memelihara kualiti alam sekitar
- Pengurusan sektor perhutanan secara mampan bagi kelestarian alam sekitar, merangsang pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan rakyat dan Negara






6. *HOUSING AND COMMUNITY AMENITIES* | PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

Menyediakan perumahan, membangunkan kawasan bandar dan menambah baik infrastruktur komuniti

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND89.4 juta (termasuk RKN BND39.8 juta) antaralainnya untuk:

- Pengurusan bekalan air meliputi perolehan dan pemeliharaan aset serta infrastruktur awam di seluruh Negara
- Pengurusan aset bangunan, fasiliti, serta sistem mekanikal dan elektrikal diperkukuh secara bersepadu untuk meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan jangka hayat
- Pengurusan dan pembangunan infrastruktur jalan raya diperkukuh bagi memastikan keselamatan dan kelancaran pengangkutan
- Projek-Projek Perumahan Negara di Kg Lugu, Kg Tanah Jambu, Kg Lumut, Kg Rimba dan Kg Salambigar






7. *HEALTH* | KESIHATAN

Menyediakan rawatan perubatan, menjaga kesihatan awam dan membangunkan fasiliti kesihatan

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND680.7 juta (termasuk RKN BND11.5 juta) antaralainnya untuk:

- Penyediaan kemudahan penghantaran pesakit untuk rawatan perubatan lanjutan ke luar negara, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Gleneagles JPMC
- Penyediaan pemakanan di hospital-hospital di Negara Brunei Darussalam bagi memastikan pesakit mendapat makanan yang selamat dan berkhasiat untuk pemulihan
- Bekalan perubatan farmaseutikal termasuk ubat-ubatan, vaksin dan anti-toksin untuk orang ramai
- Pengurusan sistem maklumat data kesihatan di Negara Brunei Darussalam termasuk perkhidmatan sokongan dan penyelenggaraan sistem *Bru-Health* dan *Bru-HIMS* 2.0






8. *RECREATION, CULTURE AND RELIGION* | REKREASI, KEBUDAYAAN DAN KEAGAMAAN

Memajukan aktiviti sosial, kebudayaan, sukan, pemuliharaan warisan, dan menyokong perkhidmatan keagamaan

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND234.1 juta (termasuk RKN BND27.4 juta) antaralainnya untuk:

- Melestarikan Budaya, Warisan, Seni dan Sejarah Negara serta memperkasa dan mengembangmajukan industri kreatif
- Pembinaan 12 masjid baharu di seluruh Negara
- Membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran, Kota Batu
- Penambahan bangunan di Muzium Alat Kebesaran Diraja






9. *EDUCATION* | PENDIDIKAN

Penyediaan pendidikan, membangunkan institusi pendidikan dan meningkatkan kualiti pengajaran

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND1,042.1 juta (termasuk RKN BND47.0 juta) antaralainnya untuk:

- Biasiswa di dalam dan luar negeri serta elaun penuntut untuk membantu kos pendidikan
- Program Ri'ayah wa Mahabbah bagi menyokong kebajikan pelajar
- Penyediaan makanan berkhasiat di sekolah dan institusi
- Kampus baharu Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB)
- Pembinaan tambahan blok, menaik taraf dewan serbaguna, dapur asrama dan bilik guru-guru di sekolah-sekolah Arab






10. *SOCIAL PROTECTION* | PERLINDUNGAN SOSIAL

Perbelanjaan untuk membantu golongan yang memerlukan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, dan mengurangkan kemiskinan termasuk pembayaran pencen-pencen

Anggaran Perbelanjaan disediakan sebanyak BND740.9 juta (termasuk RKN BND564ribu) antaralainnya untuk:

- Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan
- Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) Anuiti merupakan skim persaraan yang menyediakan bayaran bulanan kepada pencarum selepas mencapai umur persaraan
- Projek Membina Bangunan Baru Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan dan Pembinaan Bangunan Baharu Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Penyediaan pencen dan baksis perkhidmatan, pembayaran pencen umur tua dan elaun-elaun seperi Elaun Kurang Upaya serta Elaun Penyedia Penjagaan

سيستم كباجيكن نڬارا
SISTEM KEBAJIKAN NEGARA




TABUNG AMANAH PEKERJA



Taman Seri Warisan Emas, Daerah Tutong

FISCAL CONSOLIDATION PROGRAMME

Fiscal Consolidation Programme (FCP)

DEFINISI

Sebuah program berterusan yang dilaksanakan untuk **mengukuhkan kestabilan fiskal Negara** melalui penelitian semula hasil sumber pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan

OBJEKTIF UTAMA



Memastikan unjuran belanjawan **mencapai kemampanan fiskal** yang mendokong pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi



Meningkatkan **keberkesanan perbelanjaan** Kerajaan



Mengurangkan defisit fiskal ke tahap yang lebih berdaya tahan

KOMPONEN FCP

Semakan Dasar *(Policy Review)*
Penelitian semula dasar-dasar dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai bagi memastikan pelaksanaan yang kos efektif

Pelan Pembaharuan Sektor *(The Sector Reform Plan)*
Satu proses untuk merealisasikan perkara-perkara yang telah dikenal pasti di dalam Semakan Dasar dan menjadikannya sebagai satu pelan tindakan

Pelan *Fiscal Consolidation*
Setelah Semakan Dasar dan pelan Pembaharuan Sektor dilaksanakan, setiap Kementerian dan Jabatan seterusnya akan menyediakan Pelan *Fiscal Consolidation* yang mana antaralainnya akan menetapkan sasaran fiskal pada akhir tahun kelima serta menjadi dokumen pemantauan bagi memastikan pelaksanaan dan keberkesanan pelan yang dikenal pasti

JENIS-JENIS PEMBAHARUAN *(REFORMS)*

Pembaharuan Struktur
Menambah baik penyampaian perkhidmatan secara lebih efisien dan sistematik melalui pengemaskinian prosedur dan proses serta kaedah penswastaan, pengkorporatan atau *Public-Private Partnership* (PPP)

Pembaharuan Dasar
Perubahan atau penambahbaikan dalam dasar, atau peraturan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat tertentu

Pembaharuan Proses
Menilai dan memperbaiki proses dalaman bagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan termasuk pengurangan penggunaan dokumen dan kawalan-kawalan yang kurang berkepentingan dan lain-lain

GARIS MASA *(TIMELINE)*

2018/2019
PEMBERIGAAN
Garispanduan FCP disediakan & dikongsikan

2019/2020
PERANCANGAN
Kementerian & Jabatan menghadapkan Pelan FCP masing-masing

2020/2021 - 2024/2025
PELAKSANAAN
FCP *Cycle 1* mula dilaksanakan

2025/2026
PENILAIAN

- **22** inisiatif FCP *Cycle 1* **selesai** dilaksanakan
- **Penjimatan** sebanyak **BND34.7 juta**; **Peningkatan kutipan hasil** Kerajaan kira-kira **BND1 juta** setahun

PELAKSANAAN

- **57** inisiatif FCP *Cycle 2* masih berstatus di **dalam pelaksanaan**



Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan


KITARAN BELANJAWAN

Kitaran Belanjawan




Ingin tahu bagaimana Belanjawan tahunan disediakan?

Ia disediakan melalui proses Kitaran Belanjawan yang dilaksanakan pada setiap tahun:



1 April [Tahun Kewangan Bermula dan Waran Hasil dan Waran Perbendaharaan dikeluarkan kepada Pegawai Pengawal]



Glosari



1| BELANJAWAN NEGARA

Perancangan kewangan tahunan Kerajaan yang merangkumi anggaran hasil dan perbelanjaan bagi satu tahun kewangan untuk melaksanakan dasar dan perkhidmatan awam Negara

2| COFOG

Singkatan bagi *"Classification of the Functions of Government"*, iaitu sistem antarabangsa yang digunakan untuk mengklasifikasikan perbelanjaan Kerajaan mengikut fungsi atau tujuan perbelanjaan tersebut

3| DEFISIT FISKAL

Keadaan apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah kutipan hasil dalam satu tempoh tahun kewangan

4| DEMOGRAFI

Kajian tentang struktur, taburan dan perubahan penduduk

5| EMOLUMEN (PE)

Peruntukan untuk membiayai pembayaran gaji, elaun-elaun dan caruman majikan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan

6| *FISCAL CONSOLIDATION PROGRAMME (FCP)*

Sebuah program berterusan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan kestabilan fiskal Negara melalui penelitian semula hasil sumber pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan

7| FISKAL

Hal ehwal kewangan Kerajaan, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan perbelanjaan dan hasil Negara

8| HAD BELANJAWAN

Budget Ceiling. Jumlah maksimum peruntukan yang ditetapkan bagi Kementerian dan Jabatan sebagai panduan dalam penyediaan cadangan belanjawan bagi tempoh satu atau beberapa tahun kewangan

9| INFRASTRUKTUR

Kemudahan dan perkhidmatan asas yang diperlukan untuk pembangunan dan pertumbuhan Negara, masyarakat, organisasi dan sebagainya

10| INKLUSIF

Pendekatan yang melibatkan, merangkumi dan memberi peluang kepada semua pihak tanpa pengecualian

11| KELESTARIAN

Keadaan yang terpelihara atau tidak berubah-ubahnya dalam jangka masa panjang, sama ada dari aspek sosial dan ekonomi

12| KITARAN BELANJAWAN

Budget Cycle. Proses tahunan pengurusan belanjawan Kerajaan, termasuk proses perancangan, penyediaan, pelaksanaan, penelitian dan pemantauan

13| KOS-EFISIEN

Penggunaan sumber yang memberikan hasil maksimum dengan kos yang minimum

14| KUMPULANWANG YANG DISATUKAN

Satu dana di mana segala kutipan hasil Kerajaan dari berbagai sumber disatukan termasuklah dari pendapatan Kerajaan melalui perkhidmatan Kerajaan, hasil dari cukai-cukai dan hasil dari minyak dan gas

15| PEGAWAI PENGAWAL

Pegawai yang dilantik oleh Jurukira Agung melalui Waran Perbendaharaan dan Waran Hasil yang dikeluarkan setiap tahun kewangan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 7 dan 24 dari Peraturan-Peraturan Kewangan, 2022

16| PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)

Pelaburan yang dibuat oleh pelabur atau syarikat dari luar negara dengan tujuan untuk memiliki kepentingan jangka panjang dan kawalan dalam sesuatu perniagaan atau aset di negara ini

17| PERBELANJAAN BERULANG-ULANG (OCAR)

Peruntukan bagi membiayai kos harian untuk memastikan pengoperasian Jabatan dan perkhidmatan awam berjalan dengan lancar seperti bil utiliti, bekalan pejabat, teknologi maklumat dan info-komunikasi dan sebagainya

Glosari

18| PERBELANJAAN KEMAJUAN (RKN)

Peruntukan untuk projek pembangunan dan peningkatan infrastruktur di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN)

19| PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS)

Perusahaan yang berskala kecil hingga sederhana yang dijalankan oleh individu atau syarikat tempatan dan memainkan peranan penting dalam ekonomi Negara

20| *PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP* (PPP)

Kerjasama antara Kerajaan dan sektor Swasta untuk membiayai, membina, mengurus projek atau perkhidmatan awam seperti jalan raya, hospital, pengurusan tapak projek atau kemudahan lain, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cekap dan berkesan

21| SOSIO-EKONOMI

Hal-hal berkaitan dengan aspek kesejahteraan masyarakat dan aktiviti ekonomi

22| SURAT KELILING

Surat rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi pemberitahuan kepada orang ramai mengenai dasar serta peraturan umum Kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan juga diberi kuasa bagi perkara-perkara yang ada kaitan dengan hal ehwal kewangan

23| TAFIS 2.0

Singkatan bagi *Treasury Accounting and Financial information System 2.0* iaitu sistem perakaunan dan pembayaran yang baharu menggunakan platform *System Analysis Program* (SAP) *Development*, bagi menggantikan sistem yang lama pada 1 April 2024, iaitu bermula Tahun Kewangan 2024/2025

24| TAHUN KEWANGAN

Tahun Kewangan Negara Brunei Darussalam bermula pada 1 April setiap tahun dan berakhir pada 31 Mac tahun berikutnya

25| UNDANG-UNDANG PERBEKALAN

Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan berkenaan, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu

26| UNJURAN

Anggaran atau ramalan mengenai sesuatu keadaan atau perkembangan pada masa hadapan berdasarkan analisis terhadap data yang sedia ada atau tren semasa

27| WARAN HASIL

Surat kuasa yang dikeluarkan oleh Jurukira Agung bagi melantik Pegawai Pengawal untuk mengutip hasil sebagaimana yang dicadangkan dalam anggaran Belanjawan Negara setiap tahun kewangan

28| WARAN PERBENDAHARAAN

Surat kuasa yang dikeluarkan oleh Jurukira Agung bagi tempoh satu tahun kewangan bagi melantik Pegawai Pengawal untuk melaksanakan sebarang perbelanjaan wang Kerajaan sebagaimana peruntukan yang telah diluluskan di bawah Emolumen dan Perbelanjaan Berulang-Ulang (OCAR)

29| WAWASAN BRUNEI 2035

Satu rangka kemajuan jangka panjang yang mengandungi Wawasan Brunei 2035, Rangka Strategi dan Dasar bagi Pembangunan, dan Rancangan Kemajuan Negara

30| *WHOLE OF GOVERNMENT*

Pendekatan pentadbiran yang menyeluruh di mana semua Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan bekerjasama secara bersepadu untuk mencapai matlamat dasar dan pembangunan Negara





Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Daerah Temburong

PANDANGAN DAN CADANGAN

كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan
TK2026/2027 Buku Belanjawan Kitani

Borang Pandangan dan Cadangan

Nama: .....

Status Pekerjaan Responden:

- ☐ Pelajar
- ☐ Bekerja
- ☐ Bekerja Bebas
- ☐ Tidak Bekerja
- ☐ Bersara

No. Telefon: .....
Emel: .....
Organisasi: .....
.....
Tarikh: .....

Kaji selidik ini juga boleh dijawab melalui QR Code

Kefahaman & Aksesibiliti

5 Sangat Setuju	4 Setuju	3 Tidak Pasti	2 Tidak Setuju	1 Sangat Tidak Setuju

Kandungan dalam buku ini mudah difahami.	5	4	3	2	1
Penerangan mengenai perbelanjaan Kerajaan disampaikan dengan jelas.	5	4	3	2	1
Format dan susun atur buku memudahkan pembacaan.	5	4	3	2	1
Penerangan yang diberikan membantu saya memahami penggunaan peruntukan Kerajaan.	5	4	3	2	1
Istilah-istilah belanjawan diterangkan dengan baik.	5	4	3	2	1
Ilustrasi membantu dalam memahami kandungan teks dengan lebih baik.	5	4	3	2	1

كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan
TK2026/2027 Buku Belanjawan Kitani

Borang Pandangan dan Cadangan

Kandungan & Relevan

	5 Sangat Setuju	4 Setuju	3 Tidak Pasti	2 Tidak Setuju	1 Sangat Tidak Setuju
Keutamaan belanjawan mencerminkan keperluan orang ramai.	5	4	3	2	1
Kitaran Belanjawan dan Fiscal Consolidation Programme (FCP) adalah penting bagi pengetahuan orang ramai.	5	4	3	2	1
Kandungan disusun secara logik dan teratur.	5	4	3	2	1

Penyampaian & Reka Bentuk

Jenis fon yang digunakan mudah dibaca.	5	4	3	2	1
Skema warna buku belanjawan ini adalah menarik.	5	4	3	2	1
Susun atur penerbitan ini adalah menarik dan menyenangkan dari segi visual.	5	4	3	2	1

كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan
TK2026/2027 Buku Belanjawan Kitani

Borang Pandangan dan Cadangan

Penilaian Keseluruhan

5	4	3	2	1
Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju

Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan Buku Belanjawan Kitani ini.	5	4	3	2	1
Buku Belanjawan Kitani ini memenuhi jangkaan saya sebagai rakyat dan penduduk Negara ini.	5	4	3	2	1
Saya akan mengesyorkan Buku Belanjawan Kitani ini kepada orang lain.	5	4	3	2	1

Soalan Terbuka (Pilihan)

Apakah cadangan biskita untuk menambah baik edisi Buku Belanjawan Kitani pada masa akan datang?



ALAMAT:

Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
BRUNEI DARUSSALAM

Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan
TK2026/2027 Buku Belanjawan Kitani

Borang Pandangan dan Cadangan

Borang Maklum Balas Umum

Sekiranya biskita mempunyai sebarang maklum balas atau cadangan mengenai dengan dasar atau Belanjawan Negara, biskita boleh menggunakan Borang Maklum Balas Umum di bawah dan pihak kami akan membantu menyalurkan maklum balas tersebut kepada agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Nama:

.....

No. Telefon:

.....

Emel:

.....

Perkara:

.....

Kementerian/Jabatan Ditujukan:

.....

Maklum Balas Biskita:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....



ALAMAT:

Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.